

Penularan COVID-19

PKP kedua boleh rencat ekonomi

Negara terpaksa salur bantuan lebih besar bantu rakyat hadapi perintah sekatan

Oleh Suzalina Halid, Ilah Hafiz Abdul Aziz dan Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan beliau tidak mahu Malaysia diheret kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali kedua kerana ia memberi kesan besar kepada ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, jika berlaku PKP kali kedua, ia dikhawatiri akan menyebabkan kerajaan terpaksa memberi bantuan lebih besar kepada rakyat berbanding sebelum ini.

“Jangan doakan ada PKP lagi kerana bebanan PKP adalah amat besar sekali.

“Sebelum ini negara kita sudah berdepan perintah sekatan dan kesan besarnya sudah nampak, kalau kali kedua berlaku PKP saya tidak boleh ramalkan kerana kita baru nak pulih.

“Malah bantuan sebelum ini berjumlah RM200 hingga RM300 bilion kita bantu rakyat yang sebahagian besarnya sudah kita salurkan, kalau PKP kali kedua, kita mungkin kena menyediakan jumlah (bantuan) jauh lebih besar yang pastinya memberi kesan besar kepada ekonomi,” katanya pada sidang media khas secara maya di kediamannya, di sini, semalam.

Muhyiddin pada awal sidang media itu turut mengambil kesempatan menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban ekoran pandemik COVID-19.

Sidang media itu diadakan se-



Muhyiddin pada sidang media khas secara maya di kediamannya, semalam. (Foto ihsan FB Muhyiddin)

cara langsung dari kediamannya memandangkan Perdana Menteri kini menjalani kuarantin sendiri di kediamannya selama 14 hari sejak 5 Oktober lalu.

Muhyiddin berkata, jika keadaan lebih buruk dan tidak boleh dielakkan akibat penularan COVID-19, kerajaan akan mencari jalan untuk membantu rakyat.

“Seboleh mungkin, kita nak elakkan, tetapi kalaulah keadaan menjadi buruk dan meningkat luar biasa, saya tidak mahu doakan maka akan ada langkah, kerajaan akan mencari jalan membantu rakyat.

“Apa yang penting dalam kita berdepan gelombang ketiga ini, kena ambil langkah perlu bagi mengawal situasi,” katanya.

Beliau juga meminta orang ramai tidak melakukan pembelian panik berikutan Perintah Kawa-

lan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dikenakan di beberapa negeri ketika ini.

“Sewajarnya rakyat tidak melakukan pembelian panik kerana seperti kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, wakil keluarga masih boleh ke pasar.

“Kita juga mempunyai pengalaman dalam isu berbangkit ini dan bekalan makanan mencukupi.

“Tidak perlu beli lebih dari sewajarnya kerana ia hanya meningkatkan kos perbelanjaan. Beli untuk dua tiga hari, selepas itu boleh pergi (ke pasar) semula,” katanya.

Mengenai PKPB di Selangor, Putrajaya, Kuala Lumpur dan Sabah bermula hari ini, Muhyiddin berkata, ia berbeza dengan PKP kerana rakyat masih boleh melakukan aktiviti harian tanpa gangguan.